



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000
Faks : +6088-320243 / 320047
Emel : papenums@ums.edu.my

Ruj.Kami : UMS/PEND2.1/500-2/2/5 (19)

Tarikh : 11 September 2017

SEMUA STAF UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENDAFTAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Sains Malaysia (USM) mempelawa staf yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan Pendaftar dengan mengemukakan:

- a) *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran *passport*. CV hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:
 - i. Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat dan nombor telefon;
 - ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan yang telah dan sedang disandang; dan
- b) Kertas cadangan dan *Key Performance Indicator (KPI)* yang ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Pendaftar USM.

3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 September 2017 (Isnin)**. Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

NORLINA KAMIS
Penolong Pendaftar
Seksyen Governan
Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
b.p Pendaftar

s.k Pendaftar



Certified to ISO9001 : 2008
Cert. No: AR 3088

BERTEKAD CEMERLANG

www.ums.edu.my



Ruj. Kami : USMJPBPSM(aspiran) 9/10 Jld. II

Tarikh : 24 Ogos 2017

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

HEBAHAN IKLAN JAWATAN PENDAFTAR DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA


Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Sains Malaysia mempelawa individu yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan sebagai Pendaftar Gred Utama B (VU6).
3. Sehubungan dengan itu, bersama ini disertakan iklan untuk dimaklumkan kepada staf di organisasi/ jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 September 2017 (Isnin)**.
4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan bagi memanjangkan hebahan iklan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'

Saya yang menjalankan tugas,



(PROFESOR DATO' DR. ABD. AZIZ TAJUDDIN)
Pendaftar

Tel : 04-6533111 | Emel : draat@usm.my | Faks : 04-6581718

s.k. Naib Canselor

SENARAI EDARAN

Pendaftar
Universiti Malaya (UM)
50603 Lembah Pantai
KUALA LUMPUR

Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
57000 Kem Sungai Besi
KUALA LUMPUR

Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
SELANGOR

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
SELANGOR

Pendaftar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Jalan Gombak
53100 Gombak
SELANGOR

Pendaftar
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam
SELANGOR

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
KEDAH

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Kota Samarahan
94300 Kuching
SARAWAK



Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Aras 4, Bangunan Pentadbiran
Beg Berkunci 2073
88999 Kota Kinabalu
SABAH

Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Jalan Slim
35900 Tanjung Malim
PERAK

Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN

Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Jalan Sultan Mahmud
20400 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Karung Berkunci 01
16300 Bachok
KELANTAN

Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Beg Berkunci 101
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR

Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR

Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Beg Berkunci 1200
75450 Ayer Keroh
MELAKA

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Karung Berkunci 12
25000 Kuantan
PAHANG

Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Tingkat 11, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
PERLIS

PERMOHONAN MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkecenderungan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Universiti Sains Malaysia.

BIL.	JAWATAN
1	PENDAFTAR

MAKLUMAT JAWATAN

1. Kumpulan Perkhidmatan

Pengurusan Tertinggi

2. Gred Lantikan

Gred Utama B (VU6)

3. Taraf Lantikan

Jawatan yang ditawarkan adalah bertaraf Tetap/ Pertukaran Sementara/ Pelantikan Peminjaman Perkhidmatan/ Kontrak.

4. Tempoh Lantikan

Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada keputusan Lembaga Gabenor Universiti.

5. Gaji Dan Imbuhan

Gaji dan Imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan mengikut gred dan tertakluk kepada pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

6. Syarat-Syarat Asas Lantikan

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Kepujian (sekurang-kurangnya gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- b) Sedang menyandang jawatan dalam perkhidmatan.
- c) Mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dasar, organisasi dan sumber manusia serta pernah memegang jawatan pentadbiran.
- d) Mempunyai pengetahuan luas dan menyeluruh serta kemahiran dalam perancangan strategik organisasi, governan, tadbir urus kerajaan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.
- e) Mempunyai integriti, etika kerja dan sifat kepimpinan yang tinggi, berorientasikan sikap kerja berkumpulan dengan keupayaan untuk membentuk kerjasama dan memimpin kumpulan ke arah kecemerlangan Universiti.

7. Cara Memohon

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- a) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - i. Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
 - ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang. Semua salinan sijil akademik dan yang berkaitan perlulah dikemukakan bersama permohonan ini.
 - iii. Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (referee).
- b) Kertas cadangan dan *Key Performance Indicator* (KPI) serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Pendaftar Universiti Sains Malaysia.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

8. Tarikh Tutup

Tarikh akhir penerimaan permohonan lengkap adalah pada **25 September 2017 (Isnin)**.

9. Catatan Tambahan

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual.
- b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Sains Malaysia.